

27/09/2001

Pakej rangsangan kekalkan pertumbuhan positif

PAKEJ rangsangan baru membabitkan peruntukan tambahan RM4.3 bilion yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin dapat memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal pada paras positif walaupun menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan pergolakan di Amerika Syarikat. Pelaksanaan pakej itu bukan saja dapat mengelakkan Malaysia menerima kesan lebih teruk dari kemelesetan ekonomi dunia malah akan mampu mengekalkan pertumbuhan walaupun pada kadar sekitar satu hingga dua peratus tahun ini berbanding unjuran perkembangan pada kadar lima peratus sebelum ini. Tanpa pakej ini Malaysia tentunya akan mengalami kemelesetan dengan pertumbuhan negatif.

Peruntukan tambahan ini memperlihatkan bahawa kerajaan prihatin terhadap kesejahteraan rakyat, khususnya penduduk luar bandar. Ini jelas apabila peruntukan itu antara lain membabitkan projek pembangunan kecil luar bandar dan pembangunan terpilih bandar bernilai RM1 bilion; penggandaan kadar bantuan kebajikan bagi membantu keluarga miskin bernilai RM80 juta setahun; peruntukan khas bagi menaik taraf tadika kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat serta tambahan sebanyak RM300 juta bagi menaik taraf dan kerja penyelenggaraan bangunan kerajaan, kuarters dan kemudahan lain, terutama sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar. Peruntukan itu diharapkan dapat mengurangkan kesan kelembapan ekonomi terhadap rakyat miskin serta golongan lain yang tidak berkemampuan.

Kegiatan berkaitan teknologi maklumat yang kini menjadi unsur penting dalam pembangunan negara juga diberi rangsangan. Peruntukan tambahan RM300 juta disediakan bagi membina makmal komputer di 2,000 sekolah serta elaun sementara RM500 sebulan kepada 10,000 pemegang ijazah dan diploma yang tidak bekerja untuk mempelajari bidang teknologi maklumat, matematik dan bahasa. Peruntukan RM150 juta hingga akhir tahun depan itu diharapkan dapat meningkatkan keupayaan pelajar dan lepasan Institusi Pengajian Tinggi yang kini tidak bekerja untuk mempelajari dan menambah kemahiran dalam bidang berkenaan. Harapannya mereka kelak dapat mengisi kekosongan pekerjaan dan keperluan dalam bidang itu.

Pekerja yang diberhentikan akibat penutupan kilang atau langkah penyusunan semula syarikat berikutan kemelesetan ekonomi dunia, turut diberi perhatian dengan peruntukan RM150 juta. Peruntukan itu adalah bagi melatih mereka dalam bidang tertentu bagi membolehkan mereka berdikari atau mencari pekerjaan sesuai dengan latihan diterima. Langkah ini seterusnya diharapkan dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Bagi membolehkan syarikat kecil dan sederhana terus berkembang dan mencari peluang yang boleh menggerakkan kegiatan ekonomi, kerajaan akan membaiki syarat dan memudahkan pembiayaan di bawah dana khas sedia ada. Langkah ini dijangka dapat menyegerakan pelaksanaan projek kecil dan sederhana sedia ada bagi menjana perniagaan dan peluang pendapatan bagi perusahaan kecil.

Usaha menggalakkan industri pelancongan turut diberi perhatian dalam pakej ini dengan peruntukan RM110 juta. Malaysia sewajarnya mengambil peluang daripada kebimbangan pelancong asing untuk mengunjungi negara Eropah dan Amerika berikutan peristiwa di New York dan Washington. Kebimbangan rakyat asing menaiki kapal terbang dan langkah keselamatan ketat di lapangan terbang, terutama di Amerika menjadikan negara itu bukan lagi tempat menarik untuk dikunjungi. Malaysia perlu meningkatkan usaha untuk menggalakkan mereka ini berpaling kemari dengan mempromosikan

Malaysia sebagai negara paling selamat dilawati.

Pakej rangsangan ini diharap dapat menjana kegiatan ekonomi dengan kesan limpahan paling besar dan memastikan faedahnya dinikmati lebih ramai rakyat secara adil, termasuk kontraktor Bumiputera dan mereka yang bergantung kepada bantuan kebajikan. Kerajaan mengambil langkah perlu bagi memastikan rakyat dapat terus bergerak dan menjalankan kegiatan mereka bagi menggerakkan ekonomi negara. Dengan rangsangan kerajaan ini, pengguna dan syarikat harus dapat terus berbelanja tanpa berasa curiga dengan perkembangan dunia sekarang. Perbelanjaan akan menentukan permintaan terhadap barangan dan pelbagai perkhidmatan tetap wujud dan ini dengan sendirinya boleh menjanakan perkembangan ekonomi.

Pakej baru kerajaan ini juga bertujuan menggalakkan pertumbuhan dengan menghapuskan halangan birokrasi supaya semua kontrak pelbagai projek dan perkhidmatan dapat dilaksanakan tanpa dilengah-lengahkan dan bayaran untuk pelbagai projek dan perkhidmatan itu dapat pula dilakukan dengan seberapa segera. Tindakan melengah-lengahkan pelaksanaan boleh menjejaskan perjalanan dan pusingan modal semua yang terbabit. Keadaan demikian boleh memberi kesan negatif terhadap usaha menentukan ekonomi negara dapat terus berkembang.

Pakej ini adalah usaha tambahan kepada pakej rangsangan fiskal RM3 bilion yang diumumkan kerajaan pada Mac lalu sebagai peruntukan tambahan kepada Belanjawan 2001. Malah kerajaan akan mengumumkan pelbagai langkah tambahan dalam Belanjawan 2002 pada 19 Oktober ini bagi memastikan ekonomi negara dapat terus berkembang walaupun menghadapi kemelesetan ekonomi dunia. Dengan pelbagai langkah diambil oleh kerajaan itu, rakyat diharap akan menyahut cabaran yang dihadapi kini bagi memastikan kedudukan negara tetap bertambah baik.

(END)